YB Khalid bin Abdul Samad lwn Dato' Profesor Hj Mahamad Naser Disa

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO WA-23CY-50–12 OF 2017
ROHANI ISMAIL PK
17 JULAI 2019

Tort — Fitnah — Libel — Perkataan diucapkan oleh defendan ketika ucapan dalam seminar — Sama ada perkataan memfitnah plaintif — Sama ada perkataan di dalam maksud asal dan lazimnya merujuk kepada perkataan memfitnah plaintif — Sama ada perkataan merujuk kepada plaintif — Sama ada pembelaan justifikasi terpakai terhadap defendan

Plaintif memfailkan tindakan fitnah terhadap defendan ekoran satu ucapan oleh defendan dalam satu seminar di mana defendan telah mengucapkan dan/atau menuturkan dan/atau menerbitkan secara lisan perkataan-perkataan mengandungi perkataan-perkataan fitnah terhadap plaintif. Plaintif menegaskan bahawa perkataan-perkataan tersebut diterbitkan tanpa sebarang asas dan bukti yang kukuh dan hanya tuduhan melulu yang berniat jahat (mala fide) terhadap plaintif yang mana menurut plaintif adalah sangat serius kerana penerbitan perkataan-perkataan tersebut menyebabkan tohmahan, kebencian dan ketegangan oleh masyarakat umum terutamanya orang Islam terhadap plaintif. Defendan bagaimana pun menafikan tuntutan plaintif dan menyatakan bahawa tiada di dalam perkataan-perkataan tersebut yang menyebut dan/atau menyatakan nama plaintif dengan jelas dan khusus dan/atau secara terang dan khusus merujuk kepada plaintif. Defendan bergantung kepada pembelaan justifikasi.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos:

(1) Plaintif telah berjaya membuktikan ketiga-tiga elemen bagi tuntutan di bawah tindakan fitnah sebagaimana keperluan undang-undang. Perkataan-perkataan yang diadukan tersebut memang merujuk kepada plaintif. Perkataan-perkataan tersebut apabila dibaca secara sendiri dan/atau bersama, perkataan-perkataan tersebut secara keseluruhan dalam maksud asal dan lazim bermaksud dan boleh difahami sebagai memfitnah plaintif yang mana telah menyebabkan reputasi plaintif sebagai seorang individu dan ahli politik menjadi rendah dan tercedera (lihat perenggan 16).

(2) Pembelaan justifikasi yang disandarkan oleh defendan tidak dapat dipertimbangkan dan/atau diterima oleh mahkamah memandangkan defendan gagal memplidkan dan/atau mengemukakan apa-apa

butiran/keterangan untuk membuktikan perkataan-perkataan tersebut adalah benar. Tindakan defendan menggunakan alasan/dalihan dan/atau pembelaan bahawa defendan tidak pernah menamakan dan/atau merujuk kepada plaintif di dalam keterangan-keterangannya adalah suatu fikiran semula (lihat perenggan 18 & 30).

[English summary

The plaintiff filed a defamation action against the defendant following a speech by the defendant in a seminar in which the defendant spoke and/or uttered and/or orally published slander words containing defamatory words to the plaintiff. The plaintiff contended that the words were published without any solid basis and evidence and only malicious accusations against the plaintiff which the plaintiff said were very serious as the publication of those words caused public outrage, hatred and tension especially the Muslims against the plaintiff. The defendant however denied the plaintiff's claim and stated that none of the words mentioned and/or stated the name of the plaintiff that expressly and specifically and/or clearly and specifically referred to the plaintiff. The defendant relied on the defence of justification.

Held, allowing the plaintiff's claim with costs:

(1) The plaintiff had successfully proven all three elements of the claim under defamation as required by law. The words of the complaint referred to the plaintiff. These words when read on their own and/or together, the words in their natural and ordinary meaning were and could be understood as defamatory of the plaintiff which had caused the plaintiff's reputation as an individual and politician to be broken and injured (see para 16).

(2) The defendant's defence of justification could not be considered and/or accepted by the court as the defendant failed to plead and/or provide any details/evidence to prove that the words were true. The defendant's use of the grounds/motions and/or defence that the defendant had never named and/or referred to the plaintiff in its evidence was an afterthought (see paras 18 & 30).]

Kes-kes yang dirujuk

Aseambankers Malaysia Bhd & Ors v Shencourt Sdn Bhd & Anor [2014] 4 MLJ 619; [2014] 2 CLJ 773, MR (diikut)

Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ Rep 321, MT (dirujuk)

Chin Choon @ Chin Tee Fut v Chua Jui Meng [2005] 3 MLJ 494; [2005] 2 CLJ 569, MR (dirujuk)

Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd [1999] 1 MLJ 371; [1999] 1 AMR 753, MR (dirujuk)

Lim Guan Eng & Anor v Ganesan a/l Narayanan [2017] MLJU 1898; [2017] 1 LNS 2211, MT (dirujuk)
S Pakianathan v Jenni Ibrahim [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233; [1988] 1 CLJ 771, MA (dirujuk)
Syed Husin Ali v Syarikat Perchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor [1973] 2 MLJ 56 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

Muhammad Faiz bin Dato' Fadzil (Faiz Fadzil & Co) bagi pihak plaintif.
Hasnal Rezua Merican (Muzzammil Merican bersamanya) (The Chambers of Kamarul Hisham & Hasnal Rezua) bagi pihak defendan.

Rohani Ismail PK:

LATAR BELAKANG KES

[1] Plaintif di dalam kes ini menuntut terhadap defendan untuk relif-relif seperti berikut:

(a) ganti rugi am (*general damages*);

(b) ganti rugi teruk (*aggravated damages*);

(c) ganti rugi teladan (*exemplary damages*);

(d) perintah bahawa defendan menerbitkan permohonan maaf secara bertulis untuk diterbitkan di dalam akhbar perdana dalam bentuk dan istilah yang akan ditetapkan oleh plaintif;

(e) satu perintah injunksi untuk menghalang defendan sama ada bersama atau bersendiri dan/atau pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau ejen-ejen dan/atau dengan apa cara sekali pun bagi menerbitkan dan/atau mencetak dan/atau menyebabkan penerbitan dan/atau pencetakan perkataan-perkataan tersebut di atas dan/atau lain-lain kata fitnah yang memfitnah plaintif;

(f) kos; dan

(g) lain-lain relif yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh mahkamah.

FAKTA RINGKAS KES

[2] Latar belakang pihak-pihak:

(a) plaintif adalah ahli Parlimen bagi kawasan Shah Alam dan juga Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara ('AMANAH'); dan

(b) defendan adalah Pengarah Institut Kajian Strategik Islam Malaysia ('IKSIM').

KES PLAINTIF

[3] Plaintif memfailkan tindakan fitnah terhadap defendan ekoran suatu ucapan oleh defendan pada 28 September 2017 lebih kurang jam 9.50 pagi dalam suatu seminar anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Selangor ('JAIS') yang bertajuk 'Wacana Isu Semasa dan Perundangan Peringkat Negeri Selangor: Doktrin: Cabaran & Perlembagaan' ('seminar tersebut') di mana defendan telah mengucapkan dan/atau menuturkan dan/atau menerbitkan secara lisan (*slander*) perkataan-perkataan mengandungi perkataan-perkataan fitnah terhadap plaintif yang antara lainnya adalah seperti berikut:

> ... Akta 355 perlu dipinda. Salah satu punca kepada Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar ahli Parlimen yang menentang Akta 355. Saya serah pada tuan-tuan samada tuan-tuan nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355 bolehlah hantar ahli Parlimen yang sama.

('perkataan-perkataan tersebut').

[4] Plaintif mengatakan bahawa berdasarkan perkataan-perkataan tersebut, plaintif memplidkan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan tersebut mengandungi perkataan-perkataan memfitnah plaintif iaitu:

(a) *salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar ahli Parlimen yang menentang Akta 355*; dan

(b) *kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355 bolehlah hantar ahli Parlimen yang sama.*

[5] Perkataan-perkataan tersebut telah diterbitkan kepada orang awam yang hadir di seminar tersebut. Perkataan-perkataan tersebut juga telah dirakam secara 'audio visual' yang kemudiannya disunting dan dimuat naik edisi rakaman ucapan tersebut ke laman media sosial 'ismaweb' di alamat http://www.ismaweb.net/2017/09/video-wacana-isu-semasa-dan-perundangan-negeri-selangor-doktrin-cabaran-perlembagaan ('laman web tersebut'). Laman web tersebut adalah terbuka dan boleh diakses oleh orang ramai dan pengguna 'world wide web' pada semua masa yang matan yang menjadi bahan tontonan dan dengaran satu jumlah yang besar pengguna laman web tersebut yang mana jumlahnya tidak dapat ditentukan. Plaintif mengatakan bahawa defendan telah menyebabkan penerbitan perkataan-perkataan tersebut di laman web tersebut kepada masyarakat umum mulai 28 September 2017 sehingga kini.

[6] Menurut plaintif, penerbitan perkataan-perkataan tersebut secara sendiri dan/atau secara keseluruhan samada melalui maksud lazim dan/atau *innuendo*

adalah merujuk kepada dan/atau difahami merujuk kepada plaintif yang merupakan ahli Parlimen Shah Alam pada masa yang matan. Perkataan-perkataan yang diadukan tersebut apabila dibaca secara sendiri dan/atau bersama perkataan-perkataan tersebut secara keseluruhan dalam maksud asal dan lazim (*natural and ordinary meaning*) bermaksud dan difahamkan untuk bermaksud bahawa:

(a) plaintif menentang sekeras-kerasnya pembentangan rang undang-undang Akta 355 melalui usul persendirian YB Marang ('RUU 355') di Parlimen untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965;

(b) plaintif seorang pemimpin yang menentang pelaksanaan hukum syarak termasuk hudud;

(c) plaintif menentang pemerkasaan Mahkamah Syariah;

(d) plaintif seorang pemimpin yang tidak amanah, tidak bertanggungjawab, tidak boleh dipercayai dan korup;

(e) plaintif seorang pemimpin yang gagal memperjuangkan syiar dan kepentingan Islam;

(f) plaintif seorang pemimpin yang mengikut telunjuk pemimpin politik bukan Islam;

(g) plaintif seorang pemimpin dan Muslim yang tidak menjaga sensitiviti umat Islam;

(h) plaintif seorang pemimpin yang mahu mencetuskan keadaan tidak harmoni di kalangan masyarakat Islam; dan

(i) plaintif seorang pemimpin yang tidak layak dipilih sebagai ahli Parlimen khususnya oleh orang Islam.

[7] Plaintif menegaskan bahawa perkataan-perkataan tersebut diterbitkan tanpa sebarang asas dan bukti yang kukuh dan hanya lah tuduhan melulu yang berniat jahat (mala fide) terhadap plaintif yang mana menurut plaintif adalah sangat serius kerana penerbitan perkataan-perkataan tersebut menyebabkan tohmahan, kebencian dan ketegangan oleh masyarakat umum terutamanya orang Islam terhadap plaintif.

KES DEFENDAN

[8] Defendan bagaimana pun menafikan tuntutan plaintif dan menyatakan bahawa defendan tidak pernah diserahkan oleh plaintif dengan sebarang keterangan yang merekodkan dan/atau mengemukakan perkataan-perkataan yang didakwa dibuat oleh defendan. Defendan menjelaskan bahawa perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada usul untuk meminda Akta

Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) melalui pembentangan rang undang-undang persendirian Akta 355 ('RUU 355') di Parlimen.

[9] Defendan menyatakan bahawa tiada di dalam perkataan-perkataan tersebut yang didakwa di dalam perenggan empat pernyataan tuntutan terpinda tersebut, menyebut dan/atau menyatakan nama plaintif dengan jelas dan khusus dan/atau secara terang dan khusus merujuk kepada plaintif. Perkataan-perkataan tersebut, jika dipetik plaintif dengan tepat sekali pun, dipetik oleh plaintif di sini tanpa mengemukakan konteks sebenar perkataan-perkataan tersebut diucapkan, dituturkan dan/atau diterbitkan.

[10] Program atau majlis (seminar tersebut) yang dirujuk oleh plaintif merupakan suatu wacana ilmiah yang dianjurkan oleh JAIS di mana defendan telah dijemput sebagai panel jemputan oleh pihak penganjur dalam kapasiti defendan sebagai seorang ahli akademik, maka segala pandangan yang diberikan oleh defendan adalah berdasarkan fakta dan penelitian defendan.

[11] Kandungan perenggan 11(a)–(i) pernyataan tuntutan terpinda plaintif adalah suatu pengakuan oleh plaintif sendiri dan perkataan-perkataan tersebut tidak membawa sebarang rujukan khusus kepada apa yang didakwa plaintif sebagai 'maksud-maksud fitnah'.

[12] Berhubung penerbitan di laman web 'ismaweb' beralamat http://www.ismaweb.net/2017/09/video-wacana-isu-semasa-dan-perundangan-negeri-selangor-doktrin-cabaran-perlembagaan defendan menyatakan bahawa defendan tidak mempunyai sebarang kawalan ke atas laman web 'ismaweb' tersebut termasuklah suntingan di dalamnya.

[13] Defendan bergantung kepada pembelaan justifikasi dan menyatakan seperti berikut:

(a) plaintif telah menentang kelulusan RUU 355 ini dan telah menjadi salah satu sebab ianya tidak dapat dipinda di Parlimen;

(b) plaintif tidak menyokong pindaan RUU 355 yang dibentangkan di Parlimen oleh ahli Parlimen Marang;

(c) pendirian plaintif untuk menentang RUU 355 ini tidak berubah sehingga tarikh pemfailan tindakan ini; dan

(d) pendirian plaintif dan AMANAH adalah untuk menentang RUU 355 ini.

ISU-ISU UNTUK DIBICARAKAN

[14] Isu-isu untuk dibicarakan di dalam tindakan ini adalah seperti berikut:

(a) samada pengucapan dan/atau penuturan dan/atau penerbitan perkataan-perkataan tersebut oleh defendan seperti yang dinyatakan dalam perenggan empat pernyataan tuntutan terpinda plaintif mengandungi perkataan-perkataan yang memfitnah plaintif;

(b) samada perkataan-perkataan tersebut di dalam maksudnya yang lazim dan biasa (*natural and ordinary meaning*) dan/atau secara innuendo adalah bermaksud atau pun boleh membawa erti atau maksud-maksud seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 11 pernyataan tuntutan terpinda plaintif;

(c) samada penerbitan perkataan-perkataan tersebut didasari dengan niat jahat (*malice*);

(d) samada perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada plaintif;

(e) samada pembelaan justifikasi adalah terpakai terhadap defendan;

(f) samada perkataan-perkataan tersebut dikeluarkan oleh defendan sebagai pandangan saksama;

(g) samada plaintif berhak ke atas relif yang dituntut; dan

(h) samada tindakan plaintif merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[15] Setelah mendengar keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi dari pihak plaintif dan defendan dan setelah menimbang hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak, atas imbangan kebarangkalian mahkamah memutuskan bahawa plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan. Dengan tuntutan plaintif terhadap defendan dibenarkan seperti berikut:

(a) ganti rugi secara global dibenarkan sebanyak RM80,000;

(b) defendan diperintahkan untuk menerbitkan permohonan maaf dalam masa 14 hari daripada tarikh penghakiman ini secara bertulis untuk diterbitkan di dalam akhbar perdana dalam bentuk dan istilah yang akan ditetapkan oleh plaintif;

(c) suatu perintah injunksi terhadap defendan bagi menghalang defendan samada secara bersama atau bersendiri dan/atau pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau ejen-ejen dan/atau dengan apa cara sekali pun dari menerbitkan dan/atau mencetak dan/atau menyebabkan

penerbitan dan/atau pencetakan perkataan-perkataan tersebut dan/atau lain-lain kata fitnah yang memfitnah plaintif; dan

(d) defendan untuk membayar kos sebanyak RM20,000 kepada plaintif tertakluk kepada alokatur.

DAPATAN MAHKAMAH

[16] Dari pembacaan secara teliti oleh mahkamah ke atas perkataan-perkataan tersebut mahkamah mendapati bahawa plaintif telah berjaya membuktikan ketiga-tiga elemen bagi tuntutan di bawah tindakan fitnah sebagaimana keperluan undang-undang. Mahkamah berpuashati secara jelas dan khusus perkataan-perkataan yang diadukan tersebut memang merujuk kepada plantif. Mahkamah juga mendapati perkataan-perkataan tersebut apabila dibaca secara sendiri dan/atau bersama, perkataan-perkataan tersebut secara keseluruhan dalam maksud asal dan lazim (*natural and ordinary meaning*) bermaksud dan boleh difahami sebagai memfitnah plaintif yang mana telah menyebabkan reputasi plaintif sebagai seorang individu dan ahli politik menjadi rendah dan tercedera sepertimana yang diplidkan di dalam perenggan 11 penyata tuntutan terpinda plaintif.

[17] Dari fakta dan keterangan, adalah tidak dipertikaikan dan memang terbukti bahawa defendan telah mengucapkan dan/atau menerbitkan perkataan-perkataan tersebut kepada pihak ketiga apabila ucapan tersebut diucapkan dan/atau diterbitkan di hadapan hadirin yang hadir di dalam seminar tersebut. Bagaimana pun, mahkamah mendapati penerbitan perkataan-perkataan tersebut adalah tidak termasuk kepada penonton/pendengar media sosial di laman 'ismaweb' memandangkan tiada bukti bahawa penerbitan perkataan-perkataan tersebut yang dimuatnaik di laman web tersebut adalah dikawal atau ditadbirkan oleh defendan sendiri.

[18] Mahkamah mendapati defendan gagal untuk berlindung di bawah pembelaan justifikasi memandangkan tiada butiran dikemukakan untuk menunjukkan apa kah bentuk justifikasi yang disandarkan oleh defendan bagi menyokong pembelaan tersebut untuk menyatakan bahawa apa yang diucapkan oleh defendan di dalam seminar tersebut adalah benar. Jadi, di sini pembelaan justifikasi yang disandarkan oleh defendan itu tidak dapat dipertimbangkan dan/atau diterima oleh mahkamah memandangkan defendan gagal memplidkan dan/atau mengemukakan apa-apa butiran/keterangan untuk membuktikan perkataan-perkataan tersebut adalah benar.

PRINSIP UNDANG-UNDANG

[19] Di dalam *Halsbury's Law of England* (4th Ed) di ms 7, pernyataan fitnah (*defamatory statement*) didefinisikan seperti berikut:

> A defamatory statement is a statement which tends to lower a person in the estimation of the right thinking members of society generally or to cause him to be shunned or avoided or to expose him to hatred, contempt or ridicule, or to convey an imputation on him disparaging or injurious to his office, profession, calling, trade or business.

[20] Adalah menjadi undang-undang lazim (*settled law*) dalam saman fitnah bahawa beban undang-undang (*legal burden*) terletak pada plaintif bagi membuktikan elemen-elemen seperti berikut:

(a) perkataan-perkataan tersebut adalah bersifat memfitnah;

(b) perkataan-perkataan fitnah tersebut merujuk kepada plaintif; dan

(c) perkataan-perkataan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga.

Keperluan undang-undang tersebut jelas diterangkan oleh Mohamed Dzaiddin HMT (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ Rep 321 di mana di ms 324 beliau nyatakan:

> In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show: (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; and (3) the words were published.

[21] Dari fakta dan keterangan, mahkamah berpuashati bahawa perkataan-perkataan tersebut yang diucapkan dan/atau diterbitkan oleh defendan itu memberi kesan kepada reputasi plaintif. Ini jelas dapat dilihat dari penegasan plaintif di dalam testimoninya di mahkamah di mana plaintif di dalam pemeriksaan semulanya menyatakan seperti berikut:

SP-1 (Pemeriksaan Semula) — m/s 54–55 Nota Keterangan 13 Disember 2018

a.	Peguam:	Ok. Soalan seterusnya, Yang Arif. YB ditanya tentang soalan no lapan?
	Plaintif:	Ya.
b.	Peguam:	Particulars yang dikatakan itulah rumusan YB sendiri. YB tak setuju.
	Plaintif:	Ya.
c.	Peguam:	Kenapa YB tak setuju? Boleh jelaskan.

	Plaintif:	Dalam jawapan itu pun dah dinyatakan bahawa secara keseluruhan dalam maksud asal dan lazim, natural and ordinary meaning, daripada apa yang telah disebutkan itu, itulah implikasinya ataupun maksudnya. Ya. So, ianya bukanlah satu tafsiran ataupun yang terkeluar daripada maksud dan kefahaman yang biasa daripada kata-kata ini.
d.	Peguam:	Ok.
	Plaintif:	Ya
e.	Peguam:	Di antara sembilan sub perenggan itu, YB disoal tentang sub perenggan (b) yang menyatakan bahawa saya seorang pemimpin yang menentang perlaksanaan hukum syarak termasuk hukum hudud. Dan YB ditanya tentang bila dan di mana defendan katakan begitu.
	Plaintif:	Ya.
f.	Peguam:	YB jawab tidak ada secara spesifik.
	Plaintif:	Ya.
g.	Peguam:	Tapi YB dalam soalan no lapan menyatakan bahawa YB terus begitu. Boleh YB jelaskan?
	Plaintif:	Ya. Kerana daripada apa yang telah dinyatakan bahawa saya menentang RUU 355 dan isu RUU 355 ini adalah satu usul yang dikatakan bertujuan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah supaya dapat dilaksanakan hukum syarak termasuk hukum hudud, maka apabila diberikan gambaran bahawa saya menentang RUU 355 itu, itulah maksud dan implikasinya, iaitu saya seorang pemimpin yang menentang perlaksanaan hukum syarak termasuk hukum hudud.
h.	Peguam:	Ok. Seterusnya, di soalan jawapan no sembilan. YB ditanya bahawa sub perenggan sembilan itu adalah, minta maaf, Yang Arif. Jawapan di soalan no sembilan itu adalah rumusan yang YB kemukakan sendiri. YB tak setuju. Boleh jelaskan? Kenapa tak setuju?
	Plaintif:	Kerana jelas disebut bahawa saya menentang RUU 355 dan bila diberikan gambaran begitu maka itulah implikasi yang sebegitu. Saya rasa sepatutnya dibuktikanlah di mana yang saya menentang RUU 355. Tetapi saya tak nampak dia cuba bawa bukti untuk menunjukkan saya menentang RUU 355 dan bila tidak dibuktikan sebegitu maka ianya jelas merupakan fitnah.

[22] Mahkamah bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa perkataan-perkataan tersebut yang diucapkan dan/atau diterbitkan oleh defendan itu yang mempunyai perkataan memfitnah dengan sendirinya menyebabkan reputasi plaintif tercedera seperti yang diputuskan di dalam kes *Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd* [1999] 1 MLJ 371; [1999] 1 AMR 753 di mana dinyatakan:

It cannot, I think, be doubted that the first task of a court, in an action for

defamation, is to determine whether the words complained of are capable bearing a defamatory meaning. And it is beyond argument that this is in essence a question of law that turns upon the construction of the words published. As Lord Morris put it in *Jones v Skelton* [1963] 3 All ER 952 at p 958:

The ordinary and natural meaning of words may be either the literal meaning or it may be an implied or inferred or an indirect meaning: any that does not require the support of extrinsic facts passing beyond general knowledge but is a meaning which is capable of being detected in the language used can be a part of the ordinary and natural meaning of words (see *Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1963] 2 All ER 151).

The ordinary and natural meaning may therefore include any implication or inference which a reasonable reader, guided not by any special but only by general knowledge and not fettered by any strict legal rules of construction, would draw from the words. The test of reasonableness guides and directs the court in its function of deciding whether it is open to a jury in any particular case to hold that reasonable person would understand the words complained.

In my judgment, the test which is to be applied lies in the question: do the words publish in their natural and ordinary meaning impute to the plaintiff any dishonorable or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of are defamatory (see *JB Jeyaratnam v Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334). Richard Malanjum J, in an admirable judgment in *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v Bre Sdn & Ors* [1996] 1 MLJ 393 collected and reviewed the relevant authorities upon this branch of subject and I would, with respect, expressly approve the approach adopted by him.

[23] Di dalam kes *Syed Husin Ali v Syarikat Perchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor* [1973] 2 MLJ 56 (Tab 6) telah diputuskan:

Thus, the test of defamatory nature of a statement is its tendency to excite against the plaintiff the adverse opinion of others, although no one believes the statement to be true. Another test is: would the words tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally? The typical type of defamation is an attack upon the moral character of the plaintiff attributing crime, dishonesty, untruthfulness, ingratitude or cruelty.

[24] Pembacaan ke atas perkataan-perkataan tersebut tidak dapat dinafikan bahawa perkataan-perkataan tersebut mengandungi perkataan-perkataan memfitnah plaintif yang antara lainnya adalah seperti berikut:

... Akta 355 perlu dipinda. *Salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar ahli parlimen yang menentang Akta 355. Saya serah pada tuan-tuan samada tuan-tuan nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355 bolehlah hantar ahli parlimen yang sama*. (Penekanan ditambah.)

[25] Plaintif di sini jelas memplidkan bahawa perkataan-perkataan tersebut

telah memfitnah plaintif apabila defendan mengucapkan dan/atau menerbitkan ucapan yang mengandungi perkataan-perkataan tersebut. Dari pembacaan ke atas perkataan-perkataan tersebut, mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa perkataan-perkataan tersebut yang diadukan itu sememangnya apabila dibaca secara sendiri dan/atau bersama secara keseluruhan di dalam maksud asal dan lazimnya (*natural and ordinary meaning*) akan merujuk kepada perkataan-perkataan yang memfitnah plaintif.

[26] Dari perkataan-perkataan tersebut, apa yang dapat mahkamah rumuskan adalah defendan telah melabelkan plaintif sebagai seorang pemimpin yang menentang sekeras-kerasnya pembentangan rang undang-undang Akta 355 melalui pembentangan rang undang-undang persendirian Akta 355 melalui usul persendirian YB Marang ('RUU 355') di Parlimen untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Dari perkataan-perkataan tersebut juga plaintif dirujuk sebagai seorang pemimpin yang menentang pelaksanaan hukum syarak termasuk hukum hudud, menentang pemerkasaan Mahkamah Syariah dan juga seorang pemimpin yang gagal memperjuangkan syiar dan kepentingan Islam.

[27] Penelitian terhadap perkataan-perkataan tersebut yang diucapkan dan/atau diterbitkan oleh defendan, mahkamah juga berpuashati bahawa secara jelas dan khusus perkataan-perkataan yang diadukan itu memang merujuk kepada plaintif. Defendan di dalam ucapan yang dibuat pada 28 September 2017 tersebut telah menyebut perkataan-perkataan, 'Akta 355 perlu dipinda. Salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar ahli Parlimen yang menentang Akta 355. Saya serah pada tuan-tuan samada tuan-tuan nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355 bolehlah hantar ahli Parlimen yang sama'.

[28] Penelitian mahkamah mendapati bahawa defendan di sini dilihat secara jelas dan khusus merujuk kepada perkataan-perkataan memfitnah plaintif apabila secara khusus menghuraikan/mengambarkan (*described*) individu yang merupakan 'Ahli Parlimen Shah Alam' yang diterbitkan di dalam ucapannya secara lisan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor. Pada masa yang matan, hanya ada seorang sahaja Ahli Parlimen Shah Alam ketika itu, iaitu plaintif. Maka, apabila defendan menghuraikan/mengambarkan atau membuat rujukan kepada Ahli Parlimen Shah Alam tersebut di dalam perkataan-perkataan tersebut, mahkamah berpendapat huraian/gambaran tersebut sudah mencukupi untuk merujuk kepada diri plaintif sendiri. Oleh itu, perkataan-perkataan fitnah yang diucapkan dan/atau dituturkan dan/atau diterbitkan secara lisan oleh defendan tersebut adalah secara jelas dan khusus merujuk kepada plaintif dan plaintif pada pendapat mahkamah telah berjaya membuktikan elemen (b) ini

di dalam tuntutan fitnahnya terhadap defendan di sini. A

[29] Jadi, alasan/dalihan dan/atau pembelaan (*defence*) bahawa defendan tidak pernah menamakan dan/atau merujuk kepada plaintif di dalam keterangan-keterangannya adalah tidak bermerit dan tidak dapat dipertimbangkan oleh mahkamah. Semasa perbicaraan kes, walaupun tidak diplidkan, defendan telah memberi keterangan bahawa kawasan Shah Alam meliputi sekurang-kurangnya empat kawasan parlimen iaitu Kota Raja, Sungai Buloh, Subang dan Shah Alam. Namun, defendan telah gagal membawa keterangan dokumentar bagi menyokong dakwaan tersebut yang menunjukkan bahawa kawasan Shah Alam dibahagikan kepada empat kawasan Parlimen. B C

[30] Maka di sini tindakan defendan menggunakan alasan/dalihan dan/atu pembelaan bahawa defendan tidak pernah menamakan dan/atau merujuk kepada plaintif di dalam keterangan-keterangannya, pada pendapat mahkamah adalah suatu fikiran semula (*afterthought*) memandangkan defendan semasa pemeriksaan balas telah menyatakan: D

Peguam:	Isu yang pertama, Dato' ini berkenaan dengan kedudukan ahli Parlimen. Setuju dengan saya, Dato' tidak ada apa-apa dokumen samada di, dari segi (11:03:51am inaudible) ataupun pengesahan daripada Lembaga Autoriti Majlis Bandaraya Shah Alam ataupun SPR untuk menunjukkan bahawa keempat-empat parlimen yang disebut di Jawapan No 6 ini, Kota Raja, Shah Alam, Subang dan Sungai Buluh berada di bawah Bandaraya Shah Alam? Dato' tidak ada apa-apa dokumen.
Defendan:	Dokumen ada tapi saya tak bawa.
Peguam:	Tak, sekarang ini. Soalan ini, Dato' Profesor biasa dengan court proceeding kan? Saya tahu Dato' boleh jawab dengan fair.
Defendan:	Sekarang, saya tidak ada dokumen tersebut.

E F G

(Rujuk SD1 (pemeriksaan balas) — ms 15–16 nota keterangan 30 Januari 2019.)

[31] Selanjutnya, mahkamah bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa jika benar pun defendan merujuk kepada empat kawasan Parlimen yang berbeza maka ianya boleh membawa maksud bahawa keempat-empat ahli Parlimen tersebut telah difitnah dan dituduh secara bersama menentang Rang Undang-Undang 355, maka ianya tetap terjumlah kepada plaintif sebagai salah seorang daripada empat orang ahli Parlimen di kawasan Shah Alam. Dalam perbicaraan ini, defendan secara jelas hanya merujuk secara spesifik kepada ulasan plaintif di Parlimen dan tidak pula memetik sebarang ulasan ahli Parlimen lain dari kawasan Shah Alam sepertimana yang diperkatakannya. Justeru, defendan secara jelas sebenarnya merujuk kepada plaintif sebagai ahli H I

Parlimen Shah Alam sahaja di dalam ucapannya sebagaimana yang jelas terkandung di dalam perkataan-perkataan tersebut.

[32] Selain itu, isu berkaitan terdapat empat Parlimen di dalam Shah Alam juga tidak diplidkan oleh defendan, oleh itu mahkamah berpuashati bahawa tiada keterangan yang dikemukakan oleh defendan untuk dinilai dan dipertimbangkan oleh mahkamah. Maka, mahkamah menolak keterangan defendan atas isu ini dengan bersandarkan kepada keputusan di dalam kes *Aseambankers Malaysia Bhd & Ors v Shencourt Sdn Bhd & Anor* [2014] 4 MLJ 619; [2014] 2 CLJ 773 di mana dinyatakan:

> (3) The parties are bound by their pleadings. The court is not entitled to decide a suit on a matter that is not pleaded. When the trial court decides on an issue that is not pleaded, the judgment can be set aside.

[33] Mahkamah mendapati defendan semasa perbicaraan kes ini hanya mengemukakan dokumen iaitu *Hansard* Parlimen yang ditandakan sebagai eksh D1A dan D1B yang berkaitan plaintif sahaja untuk disandarkan sebagai keterangan untuk menyokong pembelaan justifikasi. Defendan hanya memplidkan pembelaan justifikasi di mana defendan gagal membuktikan yang plaintif ada membuat apa-apa ucapan atau kenyataan yang beliau menentang RUU 355. Defendan semasa disoal balas (ms 21 nota keterangan 30 Januari 2019) mengakui bahawa tiada apa-apa ucapan atau kenyataan plaintif yang menentang RUU 355. Di dalam kes *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233; [1988] 1 CLJ 771 telah diputuskan:

> The burden lies upon the defendant to establish justification. The burden does not lie on the plaintiff to prove that the defamatory words are false, because the law presumes this in his favour: *Bett v Lawes* [1882] 51 LJQB 361. To establish justification the defendant must prove that the defamatory imputation is true.

[34] Jadi, isu berkaitan plaintif menentang atau menyokong RUU 355 sebenarnya belum pun wujud lagi. Defendan sendiri semasa disoal balas menyatakan:

> Peguam: Dato' setuju dengan saya bahawa usul persendirian RUU 355 ini hanya dibenarkan untuk dibaca kali ketiga iaitu pada penghujung 2017 lebih kurang bulan November atau awal Disember 2017? Ok, dalam kedua-dua Hansard ini, tidak ada possibility di mana (11:09:57am inaudible) membaca usul persendirian RUU 355 ini kali ketiga. Setuju?
>
> Defendan: Ya
>
> Peguam: Setuju, ya? Jadi bermaksud di dalam kedua-dua prosiding Hansard ini, usul persendirian 355 ini belum timbul lagi ataupun dibahaskan usul tersebut?
>
> Defendan: Ya, betul

(Rujuk SD1 (pemeriksaan balas) — m/s 18 nota keterangan 30 Januari 2019.)

[35] Jadi, jelas di situ bahawa apa yang dirujuk oleh plaintif merupakan ulasan-ulasan dan pertanyaan-pertanyaan plaintif tentang kaedah dan prosedur RUU 355 dibentangkan dan bukannya suatu bentuk penentangan terhadap usaha memperkasakan Mahkamah Syariah sepertimana yang didakwa. Malahan defendan sendiri semasa pemeriksaan balasnya turut mengesahkan bahawa tidak ada secara spesifik di mana-mana ulasan atau ucapan atau kenyataan plaintif yang menunjukkan bahawa plaintif menentang RUU 355 tersebut (rujuk pemeriksaan balas — m/s 19 nota keterangan 30 Januari 2019).

[36] Defendan telah merujuk kepada kes *Lim Guan Eng & Anor v Ganesan a/l Narayanan* [2017] MLJU 1898; [2017] 1 LNS 2211 berkenaan dengan pembelaan justifikasi:

> [67] The law is trite that justification is a complete defence in an action for defamation. Justification has been explained by Wan Hamzah SCJ in the Supreme Court case of *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233; [1988] 1 CLJ 771 as follows:
>
> > The burden lies upon the defendant to establish justification. The burden does not lie on the plaintiff to prove that the defamatory words are false, because the law presumes this in his favour: *Belt v Lawes* [1882] 51 LJQB 359 361. To establish justification, the defendant must prove that the defamatory imputation is true. It is not enough for him to prove that he believed that the imputation was true: *Peters v Bradlaugh* [1884] 4 TLR 467 ...
>
> Furthermore in the more recent Court of Appeal case of *Dato Seri Mohammad Nizar Jamaluddin v Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Anor* [2014] 4 MLJ 242; [2014] 3 CLJ 560, Abang Iskandar JCA opined as follows:
>
> > [24] Again, perhaps we should go back to what in essence is required to be established by a defendant who is desirous of putting up a defence of justification in facing up a defamation suit. In relying on the defence of justification the burden of proof is on the defendant to prove that the allegations made are true or are substantially true. The defendant must prove it on the balance of probabilities, that is, the allegation is more likely than not to be true. For example, an allegation published by repeating a rumour cannot be justified by proving that there was such a rumour. A defendant is required to prove the substance of the allegation. Since the burden of proving the truth of an allegation is on the defendant, claimants enjoy a distinct advantage in defamation claims. Justification has to be used with great care. It can often be difficult to obtain sufficient admissible evidence to persuade the judge that the statement is true. This will sometimes result in the media being unable to publish allegations which are generally believed to be true, but which they may not be able to prove to the standard required in court. Further, an unsuccessful defence of justification is likely to increase the level of any damages awarded. (Emphasis added.)

Besides that, there is also the court of appeal case of *Chong Swee Huat & Anor v Lim Shian Ghee (t/a L & G Consultants & Education Services* [2009] 3 MLJ 665; [2009] 4 CLJ 113; [2009] 1 LNS 175 where Zainun Ali JCA (now FCJ) opined as follows in her dissenting judgment:

> [231] Our Defamation Act 1957 provides for the defence of justification. Section 8 read:
>
> In an action for libel or slander in respect of words containing two or more distinct charges against the Plaintiff a defence of justification shall not fall by reason only that the truth of every charge is not proved if the words not proved to be true do not materially injure the Plaintiff's reputation having regard to the truth of the remaining charges.
>
> [232] In other words a purposive approach is taken in interpreting s 8 — when for a defence of justification to be upheld, it is not necessary to prove the truth of every word in the statement said to be defamatory. What is relevant is actually the truth of the imputation of the overall statement. (Emphasis added.)

[37] Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, memang benar defendan tidak diperlukan untuk membuktikan kebenaran setiap satu daripada pengataan beliau dan defendan hanya perlu membuktikan kebenaran imputasi pengataan-pengataan itu secara menyeluruh. Bagaimanapun mahkamah mendapati perkataan-perkataan tersebut apabila dibaca atau dirujuk secara keseluruhannya membawa maksud bahawa plaintif menentang RUU 355 dan pernyataan tersebut jelas memfitnah plaintif.

[38] Pada pendapat mahkamah bukan lah plaintif yang perlu mengemukakan bukti atau keterangan untuk menjustifikasikan pendirian parti AMANAH berhubung RUU 355 sebaliknya, defendanlah yang bertanggungan untuk membawa bukti atau keterangan bagi menunjukkan bahawa apa yang didakwa oleh defendan adalah benar bagi membolehkan defendan untuk bersandar kepada pembelaan justifikasi sebagaimana kehendak undang-undang seperti yang diputuskan di dalam kes *S Pakianathan*.

[39] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pihak yang difitnah seperti plaintif di sini, berhak dibayar gantirugi akibat daripada penerbitan perkataan-perkataan tersebut yang mengandungi pernyataan memfitnah (*defamatory statement*) dan yang mencemarkan imej plaintif selaku individu dan ahli politik. Mahkamah berpendapat suatu award global sebanyak RM80,000 adalah lebih sesuai dan munasabah untuk diberikan berpandukan kepada keputusan di dalam kes *Chin Choon @ Chin Tee Fut v Chua Jui Meng* [2005] 3 MLJ 494; [2005] 2 CLJ 569 di mana ganti rugi secara global telah dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan bagi tuntutan di bawah fitnah.

[40] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, maka tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh